

17 NOV 1997

STRATEGI KEKALKAN KEDUDUKAN PENGELUAR MINYAK SAWIT TERBESAR

KUALA LUMPUR, 17 Nov (Bernama) -- Malaysia tidak perlu bimbang yang Indonesia akan mendahuluinya sebagai pengeluar minyak sawit terbesar di dunia kerana strategi bersesuaian kini di ambil bagi memastikan kedudukan negara ini tidak tergugat, kata ketua pegawai eksekutif Majlis Galakan Minyak Sawit Malaysia (MPOPC), Tan Sri Dr Mohd Yusof Hashim berkata.

Beliau juga berkata Malaysia telah mengadakan hubungan strategik dengan Indonesia dalam perladangan kelapa sawit disebabkan tanah pertaniannya yang terhad.

Ini akan memastikan kedua-dua belah pihak mendapat manfaat bersama, jelasnya.

"Industri kita sedang berkembang. Kita sedang menubuhkan lebih banyak lagi usaha sama dengan Indonesia dalam sektor perladangan," beliau memberitahu persidangan berita selepas merasmikan Program Kepekaan Minyak Sawit yang berlangsung selama lapan hari di sini hari ini.

Mohd Yusof berkata kerajaan akan terus mengorak langkah agar industri ini berkembang.

Malahan, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menggesa industri perladangan tempatan supaya perluaskan kegiatannya ke Amerika Latin, kata beliau ketika menjawab soalan mengenai unjuran MPOPC bahawa Indonesia akan mendahului Malaysia dari segi pengeluaran selepas tahun 2012 kerana kawasan perladangannya di Malaysia kini hampir tahap tepu.

MPOPC telah meramalkan bahawa Malaysia akan menghasilkan sebanyak 11.80 juta tan minyak sawit antara tahun 2008 dan 2012 manakala Indonesia dijangka mengeluarkan 11.75 juta tan dalam tempoh yang sama.

Menjelang penghujung tahun ini, industri minyak sawit Malaysia dijangka mengumpulkan sejumlah RM13 bilion berbanding RM11 bilion tahun lepas, dengan pengeluaran berjumlah sembilan juta tan pada harga purata RM1,350 satu tan.

Pada masa sekarang, hampir 90 peratus daripada hasil minyak sawit berpunca daripada eksport dan pembeli terbesar adalah Pakistan, China dan India.

Minyak sawit mentah Malaysia turut dieksport kepada 100 negara di serata dunia.

Ditanya tentang kempen anti-minyak sawit, terutamanya oleh lobi minyak kacang soya Amerika, Mohd Yusof berkata perkara itu tidak lagi menjejaskan industri berkenaan.

"Kami berhubungan baik dengan mereka (pengeluar minyak kacang soya), dan sering mengadakan perbincangan meja bulat mengenai perkara itu."

Mengenai kegiatan MPOPC pula, Mohd Yusof berkata di samping meneroka pasaran baru, majlis itu juga secara aktif sedang memupuk kesedaran tentang minyak sawit di kalangan para pengguna dan menggalakkan barangan hiliran minyak sawit serta kegunaan bahan itu dalam industri berkaitan seperti kosmetika, barangan dandanan dan makanan.

Sebagai cabang galakan bagi industri minyak sawit tempatan, majlis itu setakat ini, menubuhkan pejabat-pejabat di New Delhi, Fiji, Lahore, Dhaka, Mesir, Sao Paolo, Vienna dan Durban.

MPOPC juga memberi tumpuan pada pasaran sedang muncul seperti Asia Tengah, Eropah Timur dan Afrika. Di rantau Asia, ia memperhebatkan kedudukannya di Myanmar dan Vietnam. -- BERNAMA

LES MA